



30 Jun 2025
30 June 2025
P.U. (A) 198

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (PINDAAN) 2025

MEDICAL (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], Majlis, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perubatan (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.

Pindaan peraturan 22

2. Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 [P.U. (A) 188/2017], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 22—
 - (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Jawatankuasa Pendidikan Perubatan**” perkataan “**bagi Kelayakan Perubatan Utama**”;
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Pendidikan Perubatan” di mana-mana juga terdapat perkataan “bagi Kelayakan Perubatan Utama”;
 - (c) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Jawatankuasa Pendidikan Perubatan bagi Kelayakan Perubatan Utama hendaklah mempunyai fungsi bagi membuat syor kepada Majlis sebagaimana dalam subperaturan (3) dan (4) bagi maksud pendaftaran sementara bagi pengamal perubatan di bawah seksyen 12 Akta atau pendaftaran penuh bagi pengamal perubatan di bawah seksyen 14 Akta.”;

(d) dalam subperaturan (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “standard dan kelayakan institusi latihan yang dikehendaki” dengan perkataan “kelulusan yang dikehendaki yang diberikan oleh institusi”;
 - (ii) dengan memasukkan perkataan “dan” di hujung perenggan (b);
 - (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
 - (iv) dengan memotong perenggan (d); dan
- (e) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “kelayakan” dengan perkataan “kelulusan”.

Peraturan baharu 22A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 22 peraturan yang berikut:

“Jawatankuasa Pendidikan Perubatan bagi Kelayakan Pakar Perubatan

22A. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Pendidikan Perubatan bagi Kelayakan Pakar Perubatan yang keanggotaan, kaedah-kaedah dan tatacaranya hendaklah ditentukan oleh Majlis.

(2) Jawatankuasa Pendidikan Perubatan bagi Kelayakan Pakar Perubatan hendaklah mempunyai fungsi bagi membuat syor kepada Majlis seperti yang berikut:

- (a) suatu kepakaran atau perihal kelulusan baharu bagi penyenaraian dalam Jadual Keempat Akta;

- (b) suatu subkepakaran baharu bagi penyenaraian dalam Jadual Kelima Akta;
- (c) latihan kepakaran yang diluluskan atau yang boleh diterima oleh Majlis sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 14B(3) Akta; dan
- (d) suatu permohonan bagi kelulusan suatu latihan kepakaran baharu di bawah peraturan 27A.

Penggantian peraturan 23

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 23 dengan peraturan yang berikut:

“Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Perubatan Utama

23. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Perubatan Utama yang keanggotaan, kaedah-kaedah dan tatacaranya hendaklah ditentukan oleh Majlis.

(2) Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Perubatan Utama hendaklah membuat syor kepada Majlis bagi permohonan yang berikut:

- (a) suatu pendaftaran sementara di bawah seksyen 12 Akta;
- (b) suatu pendaftaran penuh di bawah seksyen 14 Akta; atau
- (c) suatu perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen 16(1) Akta.”.

Peraturan baharu 23A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 23 peraturan yang berikut:

“Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan

23A. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan yang keanggotaan, kaedah-kaedah dan tatacaranya hendaklah ditentukan oleh Majlis.

(2) Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan hendaklah mempunyai fungsi bagi membuat syor kepada Majlis seperti yang berikut:

- (a) suatu permohonan pendaftaran pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah seksyen 14c atau 14D Akta; dan
- (b) bagi maksud subseksyen 14B(2) Akta, jika pengamal perubatan berdaftar penuh itu tidak memenuhi kehendak dalam perenggan 14B(1)(b) atau (c) Akta, seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh boleh dipertimbangkan untuk pendaftaran sebagai seorang Pakar di bawah seksyen 14c Akta berdasarkan kelulusan kepakaran setanding atau latihan kepakaran setanding pengamal perubatan berdaftar penuh itu.”.

Pindaan peraturan 24

6. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2)—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan—

(A) dengan menomborkan semula perenggan (a), (b) dan (c) masing-masing sebagai perenggan (a), (b) dan (c); dan

(B) dalam perenggan (c) yang dinomborkan semula itu, dengan menggantikan perkataan “seksyen 14c” dengan perkataan “seksyen 14c dan 14D”; dan

- (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “section 14c” dengan perkataan “sections 14c and 14D”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menomborkan semula subperaturan (4) yang sedia ada sebagai subperaturan (3).

Pindaan peraturan 27

7. Peraturan 27 Peraturan–Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “orang itu” perkataan “di bawah seksyen 14c Akta”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud pendaftaran sebagai Pakar, seorang pengamal perubatan berdaftar penuh hendaklah mengemukakan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis kepada Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan seperti yang berikut:

- (a) sijil asal kelulusan mengikut kelulusan yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual Keempat Akta, atau apa-apa dokumen rasmi berhubung dengan kelulusan itu dalam suatu tempoh pengiktirafan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis bagi maksud perenggan 14B(1)(b) Akta;
- (b) apa-apa bukti yang boleh diterima oleh Majlis di bawah perenggan 14B(1)(c) Akta bahawa—

- (i) dia telah menyempurnakan suatu latihan kepakaran yang diluluskan oleh Majlis mengikut perenggan 14B(3)(a) Akta; atau
 - (ii) dia telah menyempurnakan latihan kepakaran yang lain yang boleh diterima oleh Majlis mengikut perenggan 14B(3)(b) Akta.
- (c) apa-apa laporan atau perakuan sebagai bukti pengalaman kerja yang diselia di bawah subperenggan 14B(1)(d)(i) Akta apabila—
- (i) dalam perkhidmatan awam, dia telah dinilai dan diperakui oleh Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan setelah disahkan oleh Ketua Pengarah bahawa dia dengan jayanya telah menjalani pengalaman kerja yang diselia untuk suatu tempoh sekurang-kurangnya enam bulan; atau
 - (ii) selain perkhidmatan awam, dia telah dinilai dan diperakui oleh Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan bahawa dia dengan jayanya telah menjalani pengalaman kerja yang diselia untuk suatu tempoh sekurang-kurangnya enam bulan; atau
- (d) apa-apa laporan atau perakuan sebagai bukti pengalaman kerjanya bagi maksud subperenggan 14B(1)(d)(ii) Akta bahawa—

- (i) dia telah mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam bidang kepakarannya untuk suatu tempoh yang mencukupi; dan
 - (ii) dia telah membuktikan bahawa pengalaman kerja dalam bidang kepakarannya itu diiktiraf di peringkat antarabangsa; atau
 - (iii) dia telah mengemukakan apa-apa bukti mengenai pengalaman kerja dalam bidang kepakarannya; dan
- (e) apa-apa laporan, perakuan atau bukti lain dalam membuktikan bahawa dia merupakan seorang yang kompeten dan mempunyai akhlak yang baik bagi maksud perenggan 14B(1)(e) Akta.
- (4) Bagi maksud membuat syor di bawah subseksyen 14B(2) Akta, nilai khusus kepada negara ini boleh ditentukan berdasarkan kepada—
- (a) kepakaran pengamal perubatan berdaftar penuh itu yang diperlukan di negara ini;
 - (b) kepakaran pengamal perubatan berdaftar penuh itu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; atau
 - (c) kepakaran pengamal perubatan berdaftar penuh itu yang diperlukan untuk dikembangkan di negara ini.
- (c) dengan menomborkan semula subperaturan (3) sedia ada sebagai subperaturan (5).

Peraturan baharu 27A

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 27 peraturan yang berikut:

“Latihan kepakaran baharu

27A. (1) Apa-apa permohonan bagi suatu latihan kepakaran baharu yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, suatu institusi pendidikan tinggi tempatan atau mana-mana institusi yang lain di dalam Malaysia hendaklah dibuat kepada Majlis.

(2) Semua permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Pendidikan Perubatan bagi Kelayakan Pakar Perubatan dan Jawatankuasa hendaklah membuat syor kepada Majlis.

(3) Selepas menimbangkan syor Jawatankuasa Pendidikan Perubatan bagi Kelayakan Pakar Perubatan bagi permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), Majlis boleh meluluskan permohonan itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut, atau menolak permohonan itu dengan menyatakan alasan bagi penolakan itu dalam pemberitahuan kepada pemohon yang hendaklah diserahkan oleh Majlis.”.

Dibuat 25 Jun 2025
[MPM.600-1/3/20(1); PN(PU2)97/JLD.15]

DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB
Yang Dipertua
Majlis Perubatan Malaysia

Diluluskan 26 Jun 2025
[KKM.R.600-1/1/45; PN(PU2)97/JLD.15]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Medical Act 1971 [*Act 50*], the Council, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Medical (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2025.

Amendment of regulation 22

2. The Medical Regulations 2017 [P.U. (A) 188/2017], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 22—

(a) in the shoulder note, by inserting after the words “**Medical Education Committee**” the words “**for Primary Medical Qualifications**”;

(b) by inserting after the words “Medical Education Committee” wherever appearing the words “for Primary Medical Qualifications”;

(c) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) The Medical Education Committee for Primary Medical Qualifications shall have the functions to make recommendations to the Council as in subregulations (3) and (4) for the purpose of provisional registration of medical practitioners under section 12 of the Act or full registration of medical practitioners under section 14 of the Act.”;

- (d) in subregulation (3)—
- (i) in paragraph (a), by substituting for the words “the required standard and qualifications of the training institutions” the words “the required qualifications awarded by an institution”;
 - (ii) by inserting the word “and” at the end of paragraph (b);
 - (iii) in paragraph (c), by substituting for the words “; and” at the end of the paragraph a full stop; and
 - (iv) by deleting paragraph (d); and
- (e) in the national language text, in subregulation (4), by substituting for the word “kelayakan” the word “kelulusan”.

New regulation 22A

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 22 the following regulation:

“Medical Education Committee for Specialist Medical Qualifications

22A. (1) There shall be a Medical Education Committee for Specialist Medical Qualifications whose membership, rules and procedure shall be determined by the Council.

(2) The Medical Education Committee for Specialist Medical Qualifications shall have the functions to make recommendations to the Council as follows:

- (a) a new specialty or description of qualification for listing in the Fourth Schedule to the Act;

- (b) a new subspecialty for listing in the Fifth Schedule to the Act;
- (c) the specialized training which is approved by or is acceptable to the Council as referred to in subsection 14B(3) of the Act; and
- (d) an application for approval of a new specialized training under regulation 27A.

Substitution of regulation 23

4. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 23 the following regulation:

“Evaluation Committee for Primary Medical Qualifications

23. (1) There shall be an Evaluation Committee for Primary Medical Qualifications whose membership, rules and procedure shall be determined by the Council.

(2) The Evaluation Committee for Primary Medical Qualifications shall make recommendations to the Council for the following application:

- (a) a provisional registration under section 12 of the Act;
- (b) a full registration under section 14 of the Act; or
- (c) a temporary practising certificate under subsection 16(1) of the Act.”.

New regulation 23A

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 23 the following regulation:

“Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications

23A. (1) There shall be an Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications whose membership, rules and procedure shall be determined by the Council.

(2) The Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications shall have the functions to make recommendations to the Council as follows:

- (a) an application for the registration of a fully registered medical practitioner under section 14C or 14D of the Act; and
- (b) for the purposes of subsection 14B(2) of the Act, if the fully registered medical practitioner does not fulfill the requirements in paragraph 14B(1)(b) or (c) of the Act, a fully registered medical practitioner may be considered for registration as a Specialist under section 14c of the Act based on the comparable specialized qualification or the comparable specialized training of the fully registered medical practitioner.”.

Amendment of regulation 24

6. Regulation 24 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (2)—

(i) in the national language text—

(A) by renumbering paragraphs (a), (b) and (a) as paragraphs (a), (b) and (c) respectively; and

(B) in the renumbered paragraph (c), by substituting for the words “seksyen 14C” the words “seksyen 14C dan 14D”; and

- (ii) in the English language text, in paragraph (c), by substituting for the words “section 14c” the words “sections 14c and 14d”; and
- (b) in the national language text, by renumbering the existing subregulation (4) as subregulation (3).

Amendment of regulation 27

7. Regulation 27 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (2), by inserting after the words “such person” the words “under section 14c of the Act”;
- (b) by inserting after subregulation (2) the following subregulations:
 - “(3) For the purpose of registration as Specialist, a fully registered medical practitioner shall produce documents as required by the Council to the Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications as follows:
 - (a) the original certificate of qualification in accordance with the qualification as specified in the fourth column of the Fourth Schedule to the Act, or any official document in relation to the qualification within a duration of recognition as determined by the Council for the purposes of paragraph 14B(1)(b) of the Act;
 - (b) any proof that may be acceptable to the Council under paragraph 14B(1)(c) of the Act that—
 - (i) he has completed a specialized training approved by the Council in accordance with paragraph 14B(3)(a) of the Act; or

- (ii) he has completed any other specialized training acceptable to the Council in accordance with paragraph 14B(3)(b) of the Act.
- (c) any report or certificate as proof of the supervised work experience under subparagraph 14B(1)(d)(i) of the Act when—
 - (i) in public service, he has been evaluated and certified by the Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications after being validated by the Director General that he has successfully undergone supervised work experience for a duration of at least six months; or
 - (ii) other than public service, he has been evaluated and certified by the Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications that he has successfully undergone supervised work experience for a duration of at least six months; or
- (d) any report or certificate as proof of his work experience for the purposes of subparagraph 14B(1)(d)(ii) of the Act that—
 - (i) he has had broad work experience in his specialty for a sufficient duration; and

(ii) he has proven that such work experience in his specialty is recognized at international level; or

(iii) he has produced any proof of work experience in his specialty; and

(e) any report, certificate or other proof in proving that he is competent and is of good character for the purposes of paragraph 14B(1)(e) of the Act.

(4) For the purpose of making recommendations under subsection 14B(2) of the Act, the special value to this country may be determined based on—

(a) the specialty of the fully registered medical practitioner which is needed in this country;

(b) the specialty of the fully registered medical practitioner which is recognized at the international level; or

(c) the specialty of the fully registered medical practitioner which is needed to be expanded in this country.

(c) by renumbering the existing subregulation (3) as subregulation (5).

New regulation 27A

8. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 27 the following regulation:

“New specialized training

27A. (1) Any application of a new specialized training provided by the Ministry of Health, a local higher educational institution or any other institutions within Malaysia shall be made to the Council.

(2) All application under subregulation (1) shall be evaluated by the Medical Education Committee for Specialist Medical Qualifications and the Committee shall make recommendations to the Council.

(3) After considering the recommendations made by the Medical Education Committee for Specialist Medical Qualifications for an application made under subregulation (1), the Council may approve the application subject to any condition as it deems fit, or refuse the application by stating grounds for the refusal in the notification to the applicant which shall be served by the Council.”.

Made 25 June 2025
[MPM.600-1/3/20(1); PN(PU2)97/JLD.15]

DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB
President
Malaysian Medical Council

Approved 26 June 2025
[KKM.R.600-1/1/45; PN(PU2)97/JLD.15]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health